

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
[ ARAU ]**

**SOALAN : 418**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan serta siasatan susulan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian mengenai isu beberapa individu yang terlibat dalam menghina Nabi Muhammad SAW dan isteri, Saidatina Aishah melalui karikatur di laman media sosial dan apakah langkah-langkah yang akan dilakukan dalam membendung pengguna media sosial daripada membangkitkan isu penghinaan kepada agama dan kaum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis kini menghadapi suatu cabaran baru berikutan pelbagai video dan tulisan yang menghina di“viralkan” dalam media sosial telah menjadi trend masakini. Pihak polis akan menjalankan siasatan terhadap sebarang isu yang di “viralkan” sama ada yang berbentuk penghinaan atau yang mempunyai unsur-unsur menghasut yang boleh mengganggu-gugat kenteraman awam. Tindakan akan diambil di bawah Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan atau di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Berkaitan isu individu yang terlibat dalam menghina Nabi Muhammad SAW dan isteri, Saidatina Aishah melalui karikatur dan yang menghina Islam di laman media sosial sehingga 29 Mac 2019, pihak polis telah membuka sejumlah 53 kertas siasatan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 8 daripadanya telah dituduh di mahkamah.

Antara langkah-langkah yang boleh diambil bagi membendung isu ini adalah seperti berikut:

1. Peningkatan pembelajaran mengenai setiap kaum di Malaysia perlu. Ini supaya orang awam lebih peka terhadap sentimen perkauman;
2. Mengadakan kempen-kempen untuk memberi kesedaran kepada orang awam mengenai hukuman penyalahgunaan media sosial; dan
3. Menubuhkan unit pemantau dan siasatan penyalahgunaan media sosial diperingkat daerah-daerah dan kontinjen.